



4H2M Gua Mulu + Pinnacles

KOD: MZV05

**Hari
1**

Setibanya di Lapangan Terbang Mulu, anda disambut oleh pemandu pelancong & bertolak ke Mulu Marriott Resort & Spa untuk daftar masuk. Pada sebelah petang, bertemu di Taman Negara Mulu. Selepas pendaftaran, berjalan kaki sejauh 3 KM untuk sampai ke Gua Rusa & Gua Lang. Selepas menerokai gua, pergi ke balai cerap kelawar untuk melihat kelawar terbang keluar dari pintu masuk gua pada lewat petang (hanya terhad kepada cuaca cerah). Perjalanan pulang melalui jalan yang sama & bertolak balik ke resort. Makan malam & bermalam di resort. **(D)**

**Hari
2**

Sarapan pagi di resort & bertolak menggunakan bot menuju ke Batu Bungan - Penempatan Orang Penan, untuk melihat gaya hidup suku kaum Penan & juga terdapat pelbagai kraftangan yang dipamerkan untuk dijual kepada pelancong. Perjalanan diteruskan ke Gua Angin & Gua Air Jernih. Makan tengahari di pondok & berehat seketika. Kemudian, perjalanan diteruskan menggunakan bot ke Long Litut. Kemudian, berjalan melalui hutan selama 3 jam menuju Kem 5. Makan malam & bermalam di Kem 5. **(B/ L/ D)**

**Hari
3**

Sarapan pagi di Kem 5. Selepas sarapan, mendaki Gunung Api selama 3 jam untuk melihat Pinnacles. Makan tengahari di tempat perhentian. Selepas makan tengahari, turun ke Kem 5. Makan malam & bermalam di Kem 5. **(B / L / D)**

**Hari
4**

Sarapan pagi di Kem 5 & berjalan melalui hutan ke Long Litut menuju ke pondok Gua Air Jernih untuk makan tengahari & anda boleh berenang di kolam air. Seterusnya, bertolak ke Lapangan Terbang Mulu untuk penerbangan ke destinasi seterusnya. **(B/ L)**

- Pendakian tidak sesuai bagi umur bawah 16 tahun.

Kemas Kini Pada Dis 2023